

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI
PANGLIMA JOSEPH PAIRIN
KITINGAN
(KENINGAU)**

**TARIKH : 28.10.2015
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan berapakah batalion angkatan tentera yang sudah ditempatkan di kawasan-kawasan ESSCOM sepanjang Pantai Timur Sabah untuk mengawal keselamatan atau mencegah pencerobohan dari luar dan adakah kemudahan Kerajaan yang ada sekarang seperti perumahan tentera, senjata atau peralatan, kapal perang atau bot laju, helikopter, sistem radar dan lain-lain mencukupi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah mengaturgerakkan trup dan aset tambahan bagi meningkatkan keupayaan ATM di negeri Sabah dan membantu ESSCOM melindungi Pantai Timur Sabah secara berperingkat mulai 26 Disember 2014. Aturgerak trup dan aset tambahan ini melibatkan ketiga-tiga Perkhidmatan iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan juga Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Setakat ini, ATM telah menambah atur gerak 3 Batalion Infantri Standard (BIS) di Sabah dengan perincian berikut:

- a. Penempatan sementara satu Batalion Infantri di Kem Kukusan Tawau, Sabah sementara menunggu penempatan kekal BIS di FELDA Sahabat 16, (Desa Kencana) Lahad Datu yang dijangka siap dibina pada tahun 2017.**

- b. Satu Batalion infantri telah ditempatkan di Kem Lok Kawi pada awal tahun ini.**
- c. Satu Batalion Infantri telah ditempatkan di kem Fairyland Labuan bermula pada awal tahun ini.**

Kemudahan kerajaan yang ada sekarang seperti senjata atau peralatan, kapal perang atau bot laju, helikopter, sistem radar dan lain-lain aset ketenteraan bagi melaksanakan operasi di pantai Timur Sabah adalah mencukupi. Namun, tidak dinafikan masih terdapat kekangan di dalam menyediakan kemudahan perumahan bagi penempatan anggota ATM di Sabah dan Kementerian Pertahanan sedang berusaha untuk mengatasi masalah ini.